

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 DISEMBER 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 31

### Kerajaan Perpaduan kekal pertahan agenda Bumiputera

## Kerajaan Perpaduan kekal pertahan agenda Bumiputera

**PUTRAJAYA:** Kerajaan Perpaduan diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan terus mempertahankan kepentingan agenda Bumiputera.

Perkara tersebut ditegaskan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli ketika ditanya kebimbangan masyarakat Melayu terhadap imej 'bercampur' kerajaan pembangunan dalam isu berkenaan.

"Saya tidak nampak ada sebarang perubahan drastik kepada sebarang perancangan oleh kerajaan lama yang dibuat sebelum ini sebab semuanya kekal macam biasa," kata selepas merasmikan Persidangan

'Kick-Off' Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dianjurkan Unit Perancang Ekonomi (EPU), semalam.

Program dengan kerjasama Bank Dunia itu susulan penyediaan draf dokumen pelan lima tahun sejak September lalu sebelum dibentangkan di Parlimen pada September 2023.

Turut hadir pada acara yang berlangsung padat senarai itu ialah Ketua Pengarah EPU, Datuk Nor Azmie Diron dan Pengurus Negara Bank Dunia bagi Malaysia, Yasuhiko Matsuda.

Menurut Rafizi, secara keseluruhan pengubalan RMK12

yang bermula pada 2021 dan berakhir pada 2025 turut mengambil kira kepentingan Bumiputera.

"Pelan jangka panjang ini sudah bagus tetapi yang kita bimbang ialah pelaksanaan dan adakah ia memberi nilai terbaik kepada rakyat dengan kos cukup berbaloi," jelasnya.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan akan ada perubahan sedikit kerana kerajaan perlu menyelaraskan dengan situasi sekarang yang tidak difikirkan ketika awal RMK12 lalu.

"Saya beri jaminan bahawa

kepentingan Bumiputera tetap masih dipelihara selaras dengan peraturan ditetapkan Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa sama, beliau menangkarkan ada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang 'menjaga' kepentingan Bumiputera mungkin perlu dimilai supaya sesuai dengan keperluan semasa.

Bagaimanapun, kata Rafizi, perkara itu masih dalam pelitian kementeriannya yang berperanan dalam isu perancangan makro jangka panjang dan diselaraskan pelbagai pihak lain.

